# Mutiara Berita

**Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak**
***(Sarawak Federation of Women's Institutes)***

PPWS Kreatif

**BIL 133 JUN 2016**


## Kunjungan Hormat kepada Penaung PPWS sempena Majlis Makan Malam bersempena dengan Hari PPWS Ke-54

28 April 2016, Kediaman Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Demak



Penyampaian cenderahati oleh Puan Norjanah binti Haji Razali kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS

## Majlis Makan Malam bersempena dengan Hari PPWS Ke-54

10 Mei 2016, Hotel Mega, Miri



Antara tetamu yang duduk di meja santapan bersama Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS



Gimik SFWI Care and Share yang dilancarkan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS



Penyampaian cenderahati dari PPWS kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS



Sumbangan oleh para Exco untuk aktiviti SFWI Care and Share



Memotong kek sempena Pelancaran Hari PPWS Ke-54



Ahli-ahli PPWS mengambil gambar kenang-kenangan sempena Majlis Makan Malam Hari PPWS Ke-54 pada malam tersebut



# *Perutusan* Pengerusi Negeri

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Media dan Publisiti kerana Mutiara Berita PPWS Edisi 133, Jun 2016 dapat diterbitkan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan PPWS kerana memberi sokongan yang berterusan menyalurkan laporan gambar-gambar program/aktiviti anjuran ahli-ahli PPWS dari seluruh Sarawak sebagai pengisian untuk penerbitan Mutiara Berita PPWS.

PPWS menyambut ulang tahun yang ke-54 pada tahun 2016 dan tema sempena sambutan Hari PPWS Ke-54 ialah "WANITA PEMBINA MASYARAKAT PENYAYANG".

Masyarakat penyayang boleh diertikan sebagai kelompok masyarakat yang hidup dalam suasana saling menghormati, berbakti, memberi khidmat, menolong, berbuat jasa, menabur budi, melakukan kebajikan, menunjukkan rasa kasih dan belas kasihan, bertimbang rasa dan pemurah terhadap mereka yang memerlukan pertolongan dan bantuan.

Oleh yang demikian, kaum wanita adalah golongan yang mampu memainkan peranan untuk membentuk nilai kasih sayang dan hormat-menghormati dalam institusi keluarga. Amalan baik ini seterusnya diamalkan dalam masyarakat secara amnya, agar kita dapat mendepani cabaran ketujuh dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang.

Fenomena inilah merupakan salah satu daripada punca berlakunya kepincangan dan kerisauan dalam masyarakat terutamanya dalam gejala sosial. Hampir setiap hari berita akhbar-akhbar melaporkan kejadian penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi, pergaduhan yang berakhir dengan kematian, penculikan kanak-kanak, remaja lari dari rumah, murid ponteng sekolah, sumbang mahram dan bermacam-macam lagi masalah sosial yang melibatkan setiap lapisan individu dalam masyarakat.

PPWS sebagai sebuah NGO wanita perlu mewujudkan program yang berkesan untuk menangani masalah ini supaya masyarakat yang penyayang dapat dilahirkan.

Untuk makluman semua, PPWS merancang untuk melaksanakan program "SFWI Care and Share" untuk membantu mereka yang memerlukan seperti contoh menyumbangkan makanan kepada mereka yang menunggu keluarga yang sakit di hospital terutamanya mereka yang tinggal jauh dari bandar Kuching.

Saya percaya bahawa kasih sayang merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Kasih sayang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**"BIJAK, CEKAP, BERMAKLUMAT"**
**Wanita Pembina Masyakarakat Penyayang"**

**(NORJANAH BINTI HAJI RAZALI)**
**Pengerusi Negeri PPWS**
**Sesi 2015-2018**

## Petikan ucapan

***dari Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016 pada 8 Mac 2016 di Kuching***



"Hak kesamarataan ini perlu terus diperjuangkan oleh wanita di seluruh dunia. Telah tiba masanya untuk semua golongan sama ada golongan wanita mahupun lelaki, kerajaan atau swasta, di bandar mahupun di desa, baik tua mahupun muda untuk sama-sama berikrar bagi menyokong usaha-usaha mencapai kesaksamaan dalam segenap aspek kehidupan".

## Petikan ucapan

***dari Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Dato Hajah Jamilah binti Haji Anu, isteri Ketua Menteri Sarawak sempena Majlis Makan Malam Amal PPWS 2015 pada 1 Ogos 2016 di Kuching***



"Kita sedia maklum persatuan seperti PPWS sememangnya sering melakukan kerja amal dan begitu juga Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri (SABATI). Ia boleh dipergiatkan selain bekerjasama antara satu sama lain bagi membantu insan-insan yang memerlukan di negeri ini,"

## Malam Penghargaan kepada Bekas Exco PPWS Negeri Sesi 2012-2015
14 Disember 2015, Hotel Riverside Majestic, Kuching



Penyampaian cenderamata kepada Puan Linda Lim Soh Geok, Bekas Exco PPWS Kawasan Sri Aman Sesi 2012-2015. Beliau telah menjadi ahli PPWS selama lebih 30 tahun.



Penyampaian cenderamata kepada Puan Irmawati Osman, Bekas Bendahari Kehormat PPWS Sesi 2012-2015



Penyampaian cenderamata kepada Puan Hajah Jamilah binti Haji Mobel, Bekas Exco Kawasan Kuching/Samarahan

## Kunjungan Hormat kepada Isteri Pemangku Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Yang Berbahagia Dato Sri Hajah Dayang Lela Haji Abang Zawawi
29 Disember 2015
Astana Negeri Sarawak



## Kunjungan PPWS ke Konsulat Genderal Republik Indonesia Kuching sempena Perancangan Lawatan PPWS Ke Jakarta/Bandung anjuran Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan
5 Januari 2016



Rombongan PPWS bergambar bersama Bapak Jahar Gultom, Konsul Genderal Republik Indonesia di Kuching, Sarawak

## Majlis Makan Malam sempena Bengkel Perancangan Strategik PPWS Sesi 2015-2018
15 Januari 2016
Hotel Riverside Majestic, Kuching



Ucapan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS semasa majlis makan malam sempena Bengkel Perancangan Strategik PPWS Sesi 201-2018



Majlis Makan Malam sempena Bengkel Perancangan Strategik PPWS Sesi 2015-2018 turut meraikan hari lahir Puan Aishah Edris, Timbalan Pengerusi Negeri, Puan Hanipah Fauziah Shaikh Said Exco PPWS Kawasan Limbang/Lawas dan Puan Kathy Sura Tumin, Pembantu Tadbir Ibu Pejabat PPWS



Cik Azierah binti Jumat, Pengelola Kawasan Kuching/Samarahan dan Cik Dayang Noor Ruzaliny binti Awang Jamain, Pengelola Kawasan Sri Aman bersama Puan Salbiah Abdullah, Exco PPWS Kawasan Miri/Bintulu dan Puan Kathy Sura Tumin, Pembantu Tadbir Ibu Pejabat

## Bengkel Perancangan Strategik PPWS Sesi 2015-2018
16 Januari 2016
Kompleks Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak



Penasihat Negeri, Bekas Penasihat Negeri, Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri, Pengerusi Kawasan dan Kakitangan PPWS yang hadir ke Bengel Perancangan Strategik PPWS Sesi 2015-2018

## Kelas Gubahan Hamper anjuran Jawatankuasa Kecil Pembangunan Insan
30 Januari 2016
Ibu Pejabat PPWS



Puan Hajah Korrini Haji Abang Yusuf merupakan tenaga pengajar Kelas Gubahan Hamper



Yang Amat Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Bekas Penasihat PPWS turut hadir ke program tersebut dan turut membantu anak beliau menyampaikan serba sedikit penerangan berkenaan gubahan hamper



Penyampaian cenderamata penghargaan kepada Puan Hajah Karrini Haji Abang Yusuf

## Program bersama Warga Emas sempena Perayaan Tahun Baru Cina anjuran Astana Negeri Sarawak
2 Februari 2016,
Dewan Undangan Negeri Sarawak



## Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016
Tema: Kesaksamaan Gender/*Pledge for Parity*
8 Mac 2016, The Spring Shopping Mall, Kuching



Antara ahli PPWS yang hadir ke Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016



PPWS turut menjual produk keluaran ahli PPWS sempena program tersebut



Sesi bual bicara Lan Santai bersama panel yang berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan masing-masing serta memberi inspirasi kepada wanita

## Kunjungan Hormat kepada Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak
10 Mac 2016
Pejabat Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Bangunan Baitulmakmur



Penyampaian cenderahati dari PPWS kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak



Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri dan Setiausaha Eksekutif bersama Puan Noriah binti Haji Ahmad, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak

## Lawatan WI Daerah Kuantan, Pahang ke Kediaman Bekas Penasihat PPWS
24 April 2016



Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS dan Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Bekas Penasihat PPWS bergambar kenang-kenangan dengan ahli-ahli WI Daerah Kuantan, Pahang

## Menyambut Ketibaan Penaung Negeri di Lapangan Terbang Miri
10 Mei 2016,
Lapangan Terbang, Miri



Rombongan menyambut ketibaan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS di Lapangan Terbang Miri

## Program SFWI Care and Share sempena Hari Raya 2016 di PPWS Daerah Gedong dan Serian







Pasukan SFWI Care and Share telah memberi sinar kebahagiaan kepada 5 orang ahli PPWS yang kurang berkemampuan di PPWS Daerah Gedong dan PPWS Daerah Simunjan pada 11 Jun 2016 sempena bulan Ramadhan untuk keperluan mereka pada Hari Raya. PPWS telah memberi sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas kepada mereka yang memerlukan ini. Sarawak Flour Mill Sdn Bhd turut memberi sumbangan berupa tepung. Para penerima sumbangan ialah: Pn Sharifah Noralam dari PPWS Kpg Hijrah, Simunjan; Pn. Serati dari PPWS Kampung Nanas, Simunjan; Pn Neng binti Tebok dari PPWS Kampung Sageng, Simunjan; Puan Tasiah binti Haji Mustapha dari PPWS Cawangan Gedong Perintah dan Puan Jolita binti Jamaudin dari PPWS Cawangan Kampung Kancong Baru.






## Memasak Bubur Pedas sempena Pertandingan Membuat Bumbu Bubur Pedas
## 18 Mei 2016, Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Ahli JKK Keusahawanan membuat persediaan menyediakan bahan-bahan untuk memasak bubur pedas dan bumbu yang dihantar oleh peserta pertandingan




Puan Aishah Edris, Pengerusi JKK Keusahawanan memasak bumbu bubur pedas sambil diperhatikan oleh Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha

Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Ismail membantu Puan Hanipah Fauziah Shaikh Said menumis bumbu bubur pedas




Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS bersama juri-juri Pertandingan Membuat Bumbu Bubur Pedas

**Mesyuarat KOPERWANIS di Sibu**
**7 April 2016**
**Pejabat PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit**



▲ Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi KOPERWANIS bersama ahli yang hadir pada mesyuarat tersebut

**Mesyuarat KOPERWANIS di Limbang**
**9 April 2016**
**Pejabat PPWS Kawasan Limbang/Lawas**




▲ Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi KOPERWANIS memberi taklimat berkenaan KOPERWANIS kepada ahli mesyuarat yang hadir

## Program Keusahawanan Membasmi Kemiskinan anjuran JKK Rakan PPWS dengan kerjasama PPWS Cawangan PERGUWANIS
17 Mei 2016
Dewan Sri Cempaka, Taman Seri Puteri, Kuching





▲ Penghuni Taman Seri Puteri, Kuching yang mengikuti Program Keusahawanan Membasmi Kemiskinan



▲ Ahli-ahli PPWS yang hadir ke Program Keusahawanan Membasmi Kemiskinan di Taman Seri Puteri, Kuching



▲ Salah seorang tenaga pengajar membuat pastri sedang menunjukkan tatacara menggunakan oven

## Program ACWW Women Walk The World 2016 anjuran PPWS Kawasan Kuching/Samarahan yang telah dianjurkan pada 22 Mei 2016, bertempat di PPWS Daerah Lundu







Seramai lebih 300 orang ahli PPWS dari Kuching/ Samarahan telah menyertai program ACWW Woman Walk the World 2016. Antara aktiviti yang diadakan ialah pertandingan tarian poco-poco, cabutan bertuah, sesi pemotongan kek sempena ACWW Women Walk the World 2016 serta Hari Ibu dan pelbagai jualan produk PPWS. Program telah dirasmikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS. Aktiviti berjalan kaki bermula dari Homestay Haji Bujang, Kampung Pandan sehingga ke Pantai Pandan, Lundu. Ahli-ahli yang berjalan kaki turut mengutip sampah di sepanjang pantai untuk memberi sokongan kepada Program SFWI Care and Share - Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

## LAWATAN AJK PPWS DAERAH BINTULU/TATAU KE PPWS KUALA SEGAN
11 Mac 2016



Penerangan kepada ahli PPWS Kuala Segan berkenaan dengan PPWS dan mendapat maklum balas mengenai Cawangan yang aktif dan tidak aktif

## MESYUARAT TAHUNAN PPWS 2016 DAERAH BINTULU/TATAU
26 Mac 2016





11 buah Cawangan telah hadir ke Mesyuarat Tahunan PPWS Daerah Bintulu/Tatau iaitu dari Cawangan Orchid, Cawangan Cempaka, Cawangan Desa, Cawangan Kasurina, Cawangan Bunga Raya, Cawangan Melati, Cawangan Penan Muslim, Cawangan Kuala Labang, Cawangan Kuala Segan, Cawangan Tatau dan Cawangan Kpg Warisan.

## PERTANDINGAN GUBAHAN HANTARAN/LIPATAN, PERTANDINGAN ANEKA NASI DAN PUDING DAN JUALAN PRODUK PPWS SEMPENA SAMBUTAN HARI PPWS KE-54 ANJURAN PPWS KAWASAN MIRI/BINTULU
10 Mei 2016
Bangunan Pejabat PPWS, Kawasan Miri/Bintulu



Jualan produk oleh ahli PPWS





Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah dan Puan Hanipah Fauziah Shaikh Syed, menjadi juri Pertandingan Aneka Nasi dan Puding



Ahli PPWS yang turut hadir ke Bangunan PPWS Kawasan Miri/Bintulu

## Berita Kawasan
Miri / Bintulu



Pertandingan Gubahan Hantaran atau Lipatan oleh peserta pertandingan



Ketibaan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah, Bekas Penaung PPWS turut disambut oleh ahli-ahli PPWS



Ketibaan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah, Bekas Penaung PPWS disambut oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS dan Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS






Penyampaian cenderamata kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah oleh PPWS Kawasan Miri/ Bintulu disampaikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS

## Berita Kawasan
Limbang / Lawas

**3 Mac 2016**

YB Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan ucapan sempena lawatan beliau ke Pejabat PPWS Bahagian Limbang sempena Program 'Jejak Waris Amanah Raya' di Dewan Bunga Limbang.






**8 Mac 2016**

Majlis Memotong Kek oleh ahli-ahli PPWS Cawangan Sakura sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa



**9 April 2016**

Penyampaian Cenderahati kepada Pengerusi Negeri semasa jamuan Makan Malam sempena Mesyuarat Koperasi



**9 April 2016**

Pengerusi Negeri bersama 18 orang Ahli Koperasi PPWS Kawasan Limbang/Lawas yang hadir dalam Mesyuarat Koperasi



**9 April 2016**

Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS menandatangani 'Buku Pelawat' di Pejabat PPWS Bahagian Limbang bersempena dengan Mesyuarat Koperasi



**7 Mei 2016**

Majlis Jasamu Dikenang sempena Sambutan Ulangtahun PPWS Ke-54, PPWS Cawangan Kampung Pebahanan, Limbang. Antara program yang diadakan ialah:
- Memotong kek Ulang Tahun
- Pertandingan Memasak Pasangan Suami/Isteri
- Larian Berpasangan Suami/Isteri
- Sukaneka/Makan Malam Suami/Isteri



**10 Mei 2016**

Seramai 10 orang ahli PPWS Kawasan Limbang/Lawas menyertai Majlis Makan Malam bersempena dengan Hari PPWS Ke-54 di Mega Hotel, Miri.



**13 Mei 2016**

Sumbangan kepada Puan Hajah Rosni Haji Omar, ahli PPWS Cawangan Kpg Malaganggai, Limbang selepas kediamannya terbakar.

## Sambutan Ulang Tahun PPWS Ke-54 Peringkat Daerah Lawas
**8 Mei 2016**
**Stadium Tertutup, Lawas**



▲ Sumbangan PPWS Kawasan Limbang/ Lawas kepada Ahli PPWS



▲ Johan perlawanan badminton beregu wanita dari Cawangan Murud Suang Trusan Lawas



▲▼ Pasukan-pasukan yang menyertai perlawanan futsal





▲ 5 Mei 2016 - Sumbangan dari PPWS Daerah Lawas kepada Puan Dayangku Farimah Pengiran Ismail, Pengerusi Cawangan Punag Jaya yang kematian suami kerana kemalangan jalan raya.



▲ 8 Mei 2016 - PPWS Daerah Lawas melawat ahli PPWS yang meninggal dunia di Cawangan Sasa, Tanah Sibagol, Ulu Merapok.



▲ 12 Mei 2016 - Puan Takung Pengiran, Timbalan Pengerusi Daerah Lawas menerima sumbangan dari Puan Jamilah binti Haji Pangkat, Pengerusi PPWS Kawasan Limbang/Lawas atas pemergian ibu beliau.



▲ 28 Mei 2016 - Puan Jamilah binti Haji Pangkat, Pengerusi PPWS Kawasan Limbang/Lawas melawat Puan Asmah Bungsu, Pengerusi Cawangan Noor Islam Kuala Lawas yang berada di hospital kerana menglamai masalah hilang ingatan.

AKPK

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dengan matlamat proaktif, iaitu memastikan sektor isi rumah terus berdaya tahan melalui sebuah agensi dimana peminjam individu dan bakal peminjam boleh mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung dengan kewangan dan pengurusan kredit.

Visi kami di AKPK ialah memastikan setiap rakyat Malaysia ***"Amalkan Pengurusan Kewangan Berhemat Sebagai Budaya Hidup".*** Untuk merealisasikan visi ini kami telah membentuk misi untuk menjadikan masyarakat Malaysia bijak dan berhemat dalam mengurus kewangan dan mengawal hutang. Misi ini boleh dicapai melalui pendidikan kewangan, perkhidmatan kaunseling kewangan dan program pengurusan kredit yang disediakan oleh AKPK.

## Perkhidmatan Kami

- **Pendidikan Kewangan**

  Program pendidikan kewangan untuk kemahiran asas pengurusan wang dan juga tip menggunakan kredit secara bertanggungjawab.

- **Kaunseling Kewangan**

  Khidmat Kaunseling peribadi dan nasihat untuk pengurusan kewangan yang bijak – seperti menyediakan bajet, mengurus kewangan dan hal-hal lain berkaitan kredit. Pelajari bagaimana untuk menangani bebanan kredit dengan penuh bertanggungjawab untuk masa depan yang lebih baik.

- **Program Pengurusan Kredit (PPK)**

  Kawal semula kewangan anda untuk kehidupan yang lebih bermakna. Para kaunselor kami akan bekerjasama dengan individu untuk menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman peribadi melalui rundingan dengan penyedia-penyedia kredit.

## Pendidikan Kewangan

**Keputusan kewangan perlu dirancang seperti permainan catur**

Setiap keputusan kewangan yang dibuat haruslah dipertimbanngkan sebaik mungkin sebelum mengambil langkah seterusnya. Keputusan kewangan yang berbeza tertakluk kepada keperluan di setiap peringkat kehidupan.

Di AKPK, modul Pendidikan Kewangan kami direka khusus untuk membantu individu melalui detik-detik penting dan menempuhi cabaran hidup dengan penuh keyakinan.

- Modul 1: Pengajian Tinggi
- Modul 2: Memasuki Alam Pekerjaan
- Modul 3: Memulakan dan Membina Keluarga
- Modul 4: Persaraan
  **Pemberhentian Kerja:**
  POWER! Perjalanan Baru Bermula
- Penipuan Kewangan:
  POWER! Labue Jangan Sampai Lebur
- Keputusan Kewangan
  POWER! Hidup Akur Ikut Catur

Layari www.akpk.org.my/#askAKPK untuk mendapatkan lebih banyak tip kewangan

## Kelayakan PPK

**Perkhidmatan kami disediakan untuk semua**

**Kriteria kelayakan untuk Program Pengurusan Kredit adalah seperti berikut:**

- Mempunyai baki pendapatan yang positif selepas menolak perbelanjaan
- Kemudahan pijaman peribadi mestilah diperolehi dari penyedia kredit yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia
- Jumlah pinjaman tidak melebihi RM2 juta
- Tidak berada di bawah tindakan undang-undang tahap lanjut
- Tidak disytiharkan sebagai muflis/bankrap

Penyedia kredit terdiri daripada:

- Bank perdangan
- Bank Islam
- Syarikat insurans
- Pengendali Takaful
- Institusi kewangan pembangunan
- Pengeluar kad kredit /kad caj
- Koperasi terpilih
- Malaysia Building Society Berhad
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

## Pertanyaan dan Bantuan

Untuk mendapatkan bantuan segera sila kunjungi cawangan kami di Kuching yang beralamat seperti berikut:

**Bangunan Bank Negara Malaysia**
**Pejabat Wilayah Kuching**
**Jalan Satok**
**93400 Kuching**
**Sarawak**

**Telefon: 082-414910/414961/414961**
**sambungan 100,101,102,104 & 105**

**Faks: 082-414960**

Perkhidmatan kaunseling kami juga disediakan di lokasi-lokasi berikut sekali sebulan:

# Amalkan Pengurusan Kewangan Berhemat Sebagai Budaya Hidup

| | | |
|---|---|---|
| **Bintulu** | Maybank, Jalan Abang Galau | *Isnin kedua setiap bulan* |
| **Serian** | CIMB Bank, Serian Bazaar | *Rabu kedua setiap bulan* |
| **Sibu** | RHB Bank, Jalan Tuanku Osman | *Isnin ketiga setiap bulan* |
| **Miri** | CIMB Bank, Jalan Permaisuri | Khamis ketiga setiap bulan |
| **Sri Aman** | CIMB Bank, Jalan Hospital | Isnin keempat setiap bulan |

Individu yang berminat boleh menghubungi talian bebas tol kami **POWER! AKPK Infoline** di **1-800-88-2575** atau layari www.akpk.org.my untuk mendapatkan jadual terkini.

Laman web kami juga menyediakan aplikasi interaktif serta tips supaya individu dapat ***Amalkan Pengurusan Kewangan Berhemat Sebagai Budaya Hidup...***

**Kami Memahami apa yang anda lalui ketika mengalami masalah kewangan. Dan jika anda mempunyai bebanan hutang yang tidak terurus sesungguhnya anda tidak keseorangan...**

**SEMUA PERKHIDMATAN KAMI ADALAH PERCUMA**



**Puan Marlene Margaret Nichol**

**Ketua Wilayah Sarawak**

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**



Nama Usahawan:
**Puan Sayang binti Haji Usop**

Jenis Perniagaan:
**Menjual Kuih Kering**

No. Telefon:
**0111-9359316**

Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 1980. Beliau percaya pertubuhan NGO seperti PPWS menyatukan masyarakat pelbagai kaum dalam Sarawak. Di dalam PPWS, beliau belajar kemahiran memasak dan membuat pelbagai kerepek.

Beliau telah menghadiri pelbagai kursus yang telah dijemput oleh PPWS terutamanya dalam kursus keusahawanan kemahiran.

Beliau menasihatkan agar wanita boleh mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan keran wanita akan mula belajar berdikari dan selain mempunyai pendapatan yang lebih untuk membantu menambah pendapatan keluarga.

# Ucapan Tahniah



Tahniah diucapkan kepada pasangan pengantin baru Stephanie Cristal Daud serta Rickhazzle Diog yang telah berkahwin pada 21 Mei 2016. Pengantin perempuan merupakan anak kepada Kaunselor Ma Bee Kuan, Exco PPWS Kawasan Sri Aman